

## Ahli Pendidikan Cina di Malaysia: Pejuang Jati Diri Masyarakat Cina

ALLAN COLLINS

Bahasa ialah salah satu komponen asas budaya, maka menjadi unsur penting jati diri kaum...[secara ringkasnya] bahasa dan pendidikan adalah dua bahan yang diperlukan untuk memelihara budaya kita. Oleh itu, bila ahli pendidikan Cina berjuang untuk memelihara pendidikan bahasa Cina, mereka sebenarnya sedang memperjuangkan status bahasa mereka, dan sebaliknya. – Tan Puay-Ching

Hubungan rapat antara bahasa, pendidikan dan jati diri seperti yang dicatatkan dalam epigraf di atas<sup>1</sup> memastikan bahawa pertubuhan yang memelihara pendidikan bahasa ibunda memainkan peranan penting dalam usaha mewariskan jati diri mana-mana masyarakat daripada satu generasi kepada satu generasi yang lain. Pertubuhan yang memelihara pendidikan bahasa Cina di Malaysia, Dong Jiao Zong (DJZ)<sup>2</sup> terbahagi kepada dua pihak berkuasa. iaitu, *United Chinese School Committees' Association* (UCSCA) dan *United Chinese School Teachers' Association* (UCSTA). Pada 2002, kerajaan Malaysia telah mengemukakan dan melaksanakan keputusan untuk mengajar mata pelajaran Matematik dan Sains di sekolah rendah dalam bahasa Inggeris. Tindakan ini mencetuskan kegemparan di kalangan nasionalis Melayu dan ahli pendidikan Cina. Kedua-dua pihak itu menganggap keputusan itu ancaman ke atas jati diri mereka masing-masing. Ahli pendidikan Cina menggelarkan tindakan ini sebagai “Jalan Penyelesaian Terakhir”<sup>3</sup>. Bagi ahli pendidikan Cina, tindakan ini menjadi satu lagi cubaan kerajaan Malaysia untuk mengurangkan penggunaan bahasa Mandarin dalam sistem pendidikan kebangsaan Malaysia. (Bahasa Mandarin dalam makalah ini merujuk pada bentuk bahasa Cina lisan dan bertulis yang digunakan penutur bahasa Cina di Malaysia sebagai bahasa sepunya atau bahasa ibunda<sup>4</sup>). Dasar bahasa Inggeris ini jelas mengesahkan tanggapan para guru bahawa pihak kerajaan kurang berminat untuk memelihara jati diri kaum Cina sebagai sebahagian daripada jati diri bangsa Malaysia.

Makalah ini menjelaskan peranan DJZ sebagai kumpulan pendesak yang mempertahankan pendidikan menggunakan bahasa Mandarin, lantas memelihara aspek jati diri Cina yang penting bagi generasi yang akan datang. Makalah ini bukan sahaja menganalisis dasar pendidikan Malaysia, tetapi juga masalah yang dihadapi kumpulan pendesak Cina dalam mempengaruhi kerajaan Malaysia di bawah pentadbiran parti pakatan Barisan Nasional (BN). Sebagai pendahuluan, peranan penting sekolah dalam memelihara jati diri masyarakat akan ditinjau terlebih dahulu.

Jati diri adalah nyawa kepada semua masyarakat. Sekiranya dihapuskan jati dirinya, masyarakat itu akan lenyap. Ancaman yang dapat menggugat jati diri masyarakat meliputi penaklukan wilayah, pembuangan negeri, pembunuhan ahli masyarakat dan penyekatan luahan jati diri masyarakat serta gangguan untuk menghalang usaha meneruskan jati diri masyarakat itu. Kedua-dua ancaman terakhir yang dinyatakan di sini menjadi tumpuan utama perbincangan makalah ini. Penyekatan jati diri akan menyebabkannya tidak dapat diwarisi daripada satu generasi kepada satu generasi yang lain.<sup>5</sup> Peranan penting sekolah dalam usaha menurunkan jati diri ini telah dijelaskan James Chin dengan baik dengan menulis, “Wujudnya kepercayaan yang teguh bahawa sekolah Cina amat diperlukan sebagai ejen mewariskan budaya Cina kepada generasi seterusnya supaya budaya Cina terus kekal dan berkembang di Malaysia.”<sup>6</sup>

Sejauh mana ancaman itu timbul bergantung pada tahap kerentanan masyarakatnya. Ada rasa bimbang jati diri kumpulan minoriti akan diasimilasikan jati diri dominan dalam kumpulan majoriti dalam pembangunan bangsa. Kajian ini menunjukkan adanya rasa khawatir dengan pihak kerajaan sengaja cuba menyekat penerusan jati diri kumpulan Cina di Malaysia dengan menukar bahasa pengantar sekolah di Malaysia. Hal ini menjelaskan punca tentangan hebat daripada pergerakan ahli pendidikan Cina kepada perubahan dasar pendidikan negara ini.

### KUMPULAN PENDESAK

Peranan ahli pendidikan Cina dalam memelihara bahasa pengantar sekolah dapat difahami kerana sekolah memainkan peranan penting dalam meneruskan jati diri orang Cina. Namun, bagaimana ahli pendidikan Cina ini memelihara bahasa pengantar sekolah? DJZ telah bertindak sebagai kumpulan pendesak atau dikenali sebagai kumpulan berkepentingan. Kumpulan ini adalah pertubuhan terancang dengan tujuan mempengaruhi dasar kerajaan, tetapi tidak mempunyai keinginan untuk menyertai barisan pentadbiran negara. Kumpulan sebegini lazimnya mempunyai fokus isu yang terhad dan dapat dibezakan daripada pergerakan sosial melalui organisasinya yang formal serta cara operasinya. Kumpulan pendesak biasanya tergolong kepada kumpulan yang bersifat seksionalisme atau kumpulan bersifat promosionalisme. Kumpulan yang bersifat seksionalisme juga dikenali sebagai “kumpulan berkepentingan peribadi” di Amerika Syarikat dengan kumpulan ini menjaga kepentingan ahlinya. Kumpulan yang bersifat promosionalisme yang juga dikenali sebagai “kumpulan berkepentingan awam” di Amerika Syarikat pula bertanggungjawab memperjuangkan nilai, idea dan prinsip yang melibatkan masyarakat serta menggalakkan faedah usaha sama yang menguntungkan kumpulan lain dan ahlinya. Secara praktikalnya, ada banyak kumpulan pendesak yang tergolong dalam kedua-dua kumpulan itu, termasuk DJZ. Ia bukan sahaja mempunyai kepentingan khusus untuk melindungi

pendidikan bahasa ibunda, tetapi juga memainkan peranan penting dalam menjaga kepentingan rakyat bukan Melayu di Malaysia.

Kumpulan pendesak boleh juga dikenal pasti berdasarkan hubungan mereka dengan pihak kerajaan. Sesetengah kumpulan pendesak, iaitu “kumpulan dalaman” mempunyai hubungan dengan pihak kerajaan melalui perundingan tetap dan perwakilan badan kerajaan. Kumpulan pendesak lain lazimnya tidak dirujuk pihak atasan kerajaan dan disebabkan tidak ada hubungan formal dengan pihak kerajaan, maka “kumpulan luaran” ini terpaksa meluahkan kemusykilan mereka secara terbuka. Ternyata DJZ kadang kala memainkan peranannya sebagai kumpulan pendesak dalaman dan luaran seperti yang akan dijelaskan selanjutnya. Walaupun kumpulan dalaman kelihatan mempunyai peluang yang lebih besar untuk berjaya berbanding dengan kumpulan luaran, tetapi ini tidak semestinya benar. Hubungan rapat dengan pihak kerajaan boleh menyebabkan kumpulan dalaman untuk mengalah dan mengubah tujuan asal mereka.<sup>7</sup>

Terdapat tiga syarat penilaian untuk menilai kejayaan kumpulan pendesak.<sup>8</sup> Pertama, adakah sistem politik negara itu memberi ruang kepada kumpulan pendesak itu mengenakan tekanan? Dengan kata lain, adakah struktur pentadbiran negara itu baik untuk aktiviti kumpulan pendesak? Misalnya, sistem demokrasi yang bebas menjadi persekitaran yang lebih baik untuk operasi kumpulan pendesak berbanding dengan pemerintahan totalitarian. Kedua, adakah kumpulan pendesak itu diiktiraf sebagai wakil yang sah perjuangannya atau dalam erti kata lain, adakah kumpulan ini mempunyai kuasa untuk mewakili masyarakatnya? Syarat penilaian yang terakhir ialah sumber fizikal yang dimiliki kumpulan pendesak, iaitu dari segi kewangan dan kemahiran. Syarat penilaian ini boleh digunakan untuk menentukan sama ada DJZ kumpulan pendesak yang berjaya atau tidak. Untuk itu, sistem pendidikan dan bahasa pengantar di Malaysia akan diteliti terlebih dahulu.

## DASAR PENDIDIKAN DAN BAHASA PENGANTAR DI MALAYSIA

Sistem pendidikan Malaysia kini terdiri daripada sekolah rendah, sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi. Peringkat sekolah rendah terdiri daripada sistem selari Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan. Kedua-dua jenis sekolah ini dibiayai kerajaan dan menggunakan kurikulum kebangsaan. Namun, kedua-duanya menggunakan bahasa pengantar yang berbeza. Bahasa pengantar di Sekolah Kebangsaan ialah bahasa Malaysia, manakala Sekolah Jenis Kebangsaan menggunakan bahasa Cina atau bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar. Selepas enam tahun pendidikan di sekolah rendah (5-11 tahun), pelajar akan melanjutkan pelajaran mereka ke sekolah menengah awam atau swasta. Sekolah menengah awam menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar, manakala sekolah menengah persendirian Cina (ICSS) yang merupakan

sekolah swasta biayaan sendiri itu menggunakan bahasa Mandarin. Ada juga sekolah menengah swasta lain, seperti sekolah agama Islam biayaan kerajaan dan menggunakan bahasa Arab dan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar. Di peringkat pengajian tinggi, universiti awam menggunakan bahasa Malaysia, sementara universiti swasta menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Ada juga tiga buah kolej swasta Cina menggunakan bahasa Mandarin sebagai bahasa pengantar. Pengajaran bahasa Inggeris diwajibkan di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah.<sup>9</sup>

Sistem pendidikan di peringkat sekolah rendah itu mencerminkan kepelbagaian kaum di Malaysia dengan etnik orang Cina (24%) dan orang India (7%) yang membentuk kumpulan minoriti, sementara etnik orang Melayu (58%) membentuk kumpulan majoriti. Kedudukan dominan orang Melayu di peringkat sekolah menengah dan pengajian tinggi diiktiraf melalui penggunaan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar. Bahasa Malaysia, iaitu bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara tidak sentiasa mempunyai kedudukan dominan seperti hari ini. Kedudukan teguh bahasa ini melalui penggadaian bahasa Tamil dan terutamanya bahasa Mandarin telah menimbulkan rasa khawatir di kalangan orang India dan Cina bahawa jati diri kedua-dua masyarakat ini tidak mempunyai masa depan yang cerah di Malaysia. Struktur pendidikan yang berasaskan bahasa yang ada itu telah berjaya dilaksanakan menerusi tiga Akta Pendidikan Malaysia (1957, 1961, 1995-96). Ahli pendidikan Cina menganggap setiap akta ini suatu ancaman ke atas mereka untuk mewariskan jati diri Cina kepada generasi seterusnya.

Kontroversi di sekitar dasar pendidikan di Malaysia, terutamanya isu bahasa pengantar yang sensitif boleh dirujuk kembali kepada Laporan Barnes (1951) yang telah dilaksanakan semasa Tanah Melayu di bawah pentadbiran British. Laporan ini telah mengemukakan sistem sekolah kebangsaan menggunakan bahasa Inggeris atau bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di peringkat sekolah rendah dan menengah, dan menghalang kemasukan sekolah Cina dan Tamil ke dalam sistem sekolah kebangsaan demi melihara perpaduan sosial. Tindakan ini kelihatan seolah-olah masyarakat Cina harus melepaskan jati diri budayanya sebagai bayaran untuk memperoleh kewarganegaraan Malaysia. Sehubungan itu, Tan Liok Ee telah menegaskan “persoalan dasar pendidikan dan hala tuju sekolah Cina ... menjadi sebahagian daripada perbincangan yang lebih luas tentang status dan hak masyarakat Cina di Tanah Melayu. Hal ini menjadi isu pendidikan Cina topik utama dalam politik Tanah Melayu.”<sup>10</sup> Pada Disember 1951, UCSTA telah mengadakan mesyuarat perdananya dan mengisytiharkan objektifnya memperjuangkan kedudukan bahasa Cina dan sekolah Cina dalam sistem pendidikan Tanah Melayu. Pada November 1952, DJZ telah ditubuhkan untuk seterusnya menerangkan peranan DJZ sebagai kumpulan pendesak dalam mempertahankan sekolah Cina daripada “ancaman” yang timbul daripada laporan dan akta pendidikan yang akan datang. Ringkasan laporan pendidikan dan akta penting di Malaysia akan menjelaskan lagi isu yang lebih luas ini.

Ordinan Pendidikan 1957 adalah akta pendidikan pertama dan telah melaksanakan Laporan Razak. Laporan ini telah dibentangkan semasa perlembagaan baru Tanah Melayu masih dibincangkan. Oleh itu, tidaklah hairan laporan ini telah menunjukkan kesepakatan yang sedia ada. Ia dengan khususnya membenarkan penggunaan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar di sekolah rendah dan menengah Cina, tetapi menekankan pentingnya bahasa kebangsaan, iaitu bahasa Melayu sebagai salah satu langkah untuk memupuk jati diri bangsa dengan menyatukan rakyat yang berbilang kaum. Tindakan mempertahankan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar adalah kejayaan DJZ, sementara keinginan orang Melayu mengukuhkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan semakin berkobar selepas negara ini merdeka. Selanjutnya, Laporan Talib (1960) yang telah mula dibuat selepas pilihan raya umum 1959 itu telah menghasilkan Akta Pendidikan 1961 untuk menggantikan Laporan Razak.

Laporan Talib menyarankan Bahasa Malaysia digunakan sebagai bahasa pengantar di sekolah menengah dan universiti. Sekolah rendah yang menggunakan bahasa pengantar Cina akan dibenarkan; tetapi laporan itu telah menimbulkan rasa bimbang dengan keputusan “hanya untuk sementara waktu” dalam peruntukan itu.<sup>11</sup> Status sementara bagi sekolah rendah jenis kebangsaan Cina itu menjadi ketara dalam Klausa 21(b) Akta Pendidikan 1961 yang memberi kuasa kepada Menteri Pendidikan untuk mengubah bahasa pengantar di semua sekolah rendah kepada bahasa Melayu. Pada tahun 1971, semua sekolah rendah yang menggunakan bahasa Inggeris diarah menukar bahasa pengantarnya kepada bahasa Melayu berikutan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Akta Pendidikan 1961 itu juga telah menghapuskan sebarang ketaksaan tentang bahasa pengantar di sekolah menengah jenis kebangsaan Cina. Sekolah menengah jenis kebangsaan Cina harus berhenti menggunakan bahasa pengantar Cina sekiranya ingin diterima masuk ke dalam sistem pendidikan kebangsaan (sekali gus terus menerima pembiayaan pihak kerajaan). Penggantian bahasa pengantar kepada bahasa Melayu ini telah diperluaskan ke semua sekolah menengah awam pada tahun 1977 dan seterusnya ke institusi pengajian tinggi pada tahun 1983. Hanya sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan Tamil tidak menggunakan bahasa pengantar Melayu dalam sistem pendidikan kebangsaan.

Seperti yang dijangkakan, tindak balas DJZ terhadap Akta Pendidikan 1961 itu cukup hebat. Sebaik sahaja Laporan Talib diluluskan parlimen, UCSTA telah mengecam dokumen itu sebagai yang akan membawa “kemusnahan serta merta kepada sekolah menengah Cina” dan “penghapusan beransur-ansur sekolah rendah jenis kebangsaan Cina”. Laporan ini dilihat sebagai “senjata yang digunakan kerajaan untuk mengikis pendidikan Cina”<sup>12</sup> Klausa 21(b) pula telah meletakkan kedudukan pendidikan bahasa ibunda sebagai telur di hujung tanduk. Laporan Talib dan Akta Pendidikan 1961 mengesahkan tanggapan DJZ bahawa pembangunan bangsa di Tanah Melayu bermaksud bahasa Malaysia akan menjadi bahasa pengantar tunggal pada masa akan datang.

Akta Pendidikan 1961 telah dirombak pada tahun 1995. Akta Pendidikan 1995 itu adalah salah satu daripada empat akta yang diluluskan pada tahun 1995-

96. Tiga akta yang lain adalah berkaitan pengajian tinggi. DJZ tidak senang dengan tindakan itu, walaupun Klausa 21(b) telah dimansuhkan kerana wujud beberapa perkara yang merisaukan. Sehubungan itu, ada dua perkara perlu diberi perhatian.<sup>13</sup> Pertama, akta ini mensyaratkan semua peperiksaan diluluskan pihak kementerian, lantas mengurangkan kuasa jabatan peperiksaan Cina yang sebelum ini tidak memerlukan kelulusan daripada Kementerian Pendidikan.<sup>14</sup> Hal ini telah menimbulkan kemungkinan bahawa peperiksaan yang menggunakan bahasa Cina tidak akan dibenarkan dan ini akan memberi kesan negatif ke atas pengajaran mata pelajaran dalam bahasa Cina.

Kedua, Akta Pendidikan 1995 telah meneruskan penekanan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar “utama” di semua institusi pendidikan dalam sistem pendidikan kebangsaan. Penggunaan perkataan *utama* dalam akta ini boleh dipertikaikan. Oleh sebab sesetengah golongan pendidik kuarir pelajar tidak dapat memperuntukkan masa dengan secukupnya untuk mempelajari bahasa Inggeris, maka Akta 1995 ini boleh ditafsirkan sebagai memberi kuasa kepada Menteri Pendidikan untuk membenarkan pengajaran mata pelajaran tambahan dalam bahasa Inggeris. Tindakan sebegini akan menjadikan bahasa Inggeris bahasa pengantar *minor* yang tidak akan mencabar kedudukan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar *utama*. Ini menimbulkan ancaman besar ke atas cita-cita DJZ mempertahankan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina, seperti yang akan dibincangkan seterusnya.

#### DONG JIAO ZONG: PEJUANG JATI DIRI ORANG CINA DI MALAYSIA

DJZ menekankan bahawa bahasa Cina adalah lambang jati diri orang Cina, maka perlu dilindungi.<sup>15</sup> Peranan penting sekolah dalam mempertahankan jati diri tidak boleh dipandang ringan. Sebagai pendatang asing [pada mula-mulanya – *Ketua Edior*] ke negara ini, kebanyakan orang Cina di Malaysia kuarir anak mereka akan lupa warisan linguistik dan budaya mereka. Oleh sebab itu, penubuhan sekolah Cina sebahagiannya didorong keinginan untuk memastikan anak mereka mengekalkan jati diri Cina. Tan Liok Ee menyatakan sekolah Cina “mencerminkan nilai-nilai moral, budaya serta ekonomi yang dikaitkan orang Cina dengan pendidikan yang diberi kepada anak mereka.”<sup>16</sup> Dari tahun 1951 ke 1966, DJZ berhasrat untuk menjadikan bahasa Cina bahasa rasmi di Malaysia kerana bahasa ini akan digunakan dalam sistem pendidikan kebangsaan. Oleh sebab cita-cita ini hanya berjaya dilaksanakan pada peringkat sekolah rendah, DJZ telah menganggap sekolah rendah jenis kebangsaan Cina sebagai lambang dedikasi pihak kerajaan dalam mengekalkan jati diri Cina di Malaysia. Hal ini menjelaskan tanggapan DJZ bahawa sekolah rendah jenis kebangsaan Cina adalah perantara yang terakhir untuk mewariskan jati diri Cina kepada generasi seterusnya. Tetapi,

sejauh mana keupayaan DJZ mewakili masyarakat Cina? Tinjauan ke atas sokongan masyarakat Cina di Malaysia terhadap DJZ akan membantu menentukan sejauh mana DJZ berjaya sebagai kumpulan pendesak. Adalah nyata bahawa jika pertubuhan ini tidak diterima masyarakat Cina sebagai pejuang sah jati dirinya, kemampuannya untuk mempengaruhi dasar kerajaan adalah terhad.

DJZ bertanggungjawab ke atas pentadbiran dan penyeliaan 1,281 buah sekolah rendah kebangsaan Cina di Malaysia. DJZ juga mencari sumber kewangan untuk ICSS dan Kolej New Era di Kajang, selain memberi bantuan tambahan untuk menokok peruntukan kerajaan yang tidak mencukupi di sekolah rendah. DJZ mempunyai rangkaian geografi luas dengan melibatkan diri dengan masyarakat Cina di seluruh negara bagi mengumpul dana. Hakikat bahawa sejumlah besar sekolah rendah dibina orang Cina bermakna sekolah ini mempunyai hubungan erat dengan masyarakat Cina setempat. DJZ mempunyai hubungan lebih erat dengan masyarakat Cina berbanding dengan parti politik kerana ia telah banyak menyumbang kepada masyarakat Cina di Malaysia. Pegawai DJZ layak bertindak sebagai wakil sah hubungan masyarakat Cina dengan kerajaan Malaysia, lantas berfungsi sebagai kumpulan pendesak untuk mempertahankan sekolah Cina secara khususnya dan jati diri Cina secara amnya. Antara tugas penting DJZ adalah meningkatkan kesedaran masyarakat Cina tentang kesan buruk sesetengah dasar kerajaan ke atas kewujudan sekolah Cina. Kesan tindakan itu adalah wujudnya tindak balas negatif terhadap Akta Pendidikan 1961 serta penggunaan secara meluas rujukan rancangan kerajaan pada tahun 2002 sebagai "Final Solution".

## KERJASAMA DJZ DENGAN KERAJAAN

Pendekatan pertama DJZ ialah mengadakan kerjasama dengan parti politik Cina yang membentuk kerajaan pakatan Malaysia. Kerajaan pakatan itu pada mulanya dikenali "Pakatan" tetapi telah ditukar namanya kepada Barisan Nasional pada tahun 1974 dengan bilangan anggotanya bertambah dari tiga ke empat belas buah parti politik. Parti politik Cina yang beroperasi di bawah payung BN adalah Pertubuhan Cina Malaysia (MCA), Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan), Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) dan Parti Progresif Sabah (SAPP). Hanya MCA adalah ahli asal Pakatan itu. Parti dominan dalam Pakatan dan yang lebih dominan dalam BN ialah Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO). Sebagai parti politik orang Melayu, UMNO menampilkan dirinya sebagai pejuang hak orang Melayu. UMNO bertanggungjawab melaksanakan DEB yang merupakan dasar tindakan afirmatif bagi orang Melayu pada tahun 1971.

Pada bahagian awal makalah ini, telah dinyatakan bahawa kumpulan pendesak mempunyai peluang yang lebih tinggi untuk berjaya bila suatu sistem politik menghubungkannya dengan elit pentadbiran untuk membolehkannya

mengenakan tekanan. Kewujudan parti politik orang Cina dalam kerajaan pakatan Malaysia telah banyak menguntungkan DJZ yang telah bekerjasama dengan parti politik untuk mengenakan tekanan ke atas kerajaan melalui pelbagai cara. Antaranya ialah menyokong secara terbuka dua orang ahli pendidikan Cina semasa mereka bertanding sebagai calon Gerakan pada pilihan raya tahun 1982.<sup>17</sup> DJZ juga telah berusaha untuk mempengaruhi ahli jawatankuasa untuk menyokong MCA dan Gerakan bila kedua-duanya bersengketa dengan UMNO. Ini menunjukkan DJZ telah berusaha untuk bertindak sebagai kumpulan pendesak dalaman. Tetapi, kerjasamanya dengan MCA dan Gerakan untuk mempengaruhi dasar kerajaan telah banyak mendatangkan kekecewaan kepada DJZ. Ketua parti MCA telah terperangkap dalam dilema sama ada menyokong ahli pendidikan Cina atau menyokong rakan pakatannya, UMNO. Parti MCA ingin menyokong DJZ kerana mereka memahami kekhuatiran kumpulan itu, selain kerana mereka tidak ingin meminggirkan pengundi orang Cina. Dalam keadaan UMNO sebagai rakan dominan dalam kerajaan pakatan Malaysia, DJZ sentiasa disekat kerana MCA telah memihak kepada UMNO bila dipaksa untuk memilih antara kedua-duanya. Keadaan ini boleh dilihat dalam dua kajian kes di bawah ini.

Kes yang pertama berkaitan pilihan raya umum tahun 1959 dengan matlamat DJZ memperjuangkan layanan sama kepada semua sekolah, termasuk yang menggunakan bahasa vernakular (iaitu bahasa ibunda) dalam pengajaran, penggunaan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar dan bahasa peperiksaan serta menambah peruntukan kewangan kepada sekolah menengah Cina. Kesemua permintaan ini telah dikemukakan sebelum pilihan raya umum itu dengan sokongan MCA. Pucuk pimpinan parti UMNO menyedari pentingnya pengaturan masa DJZ untuk mengeluarkan kenyataan itu. Perdana Menteri dewasa itu, Tunku Abdul Rahman, telah menyatakan “Sukar untuk mengetepikan kenyataan bahawa motif untuk membangkitkan isu ini sebelum pilihan raya umum bagaikan mengacu pistol ke arah Pakatan dengan ancaman bahawa para guru akan menghasut masyarakat Cina supaya tidak menyokong Pakatan jika kami tidak menunaikan permintaan mereka.”<sup>18</sup> MCA juga meminta agar partinya diberi sekurang-kurangnya satu pertiga kerusi yang akan dipertandingkan Pakatan dalam pilihan raya umum itu. Oleh sebab itu, MCA dianggap sesetengah pemerhati sebagai (1) memeras ugut UMNO dengan memberi amaran bahawa Pakatan tidak akan mendapat sokongan pengundi orang Cina jika UMNO tidak mempertimbangkan permintaan ahli pendidikan Cina, dan (2) mencabar kedudukan UMNO sebagai parti politik dominan dalam Pakatan dengan meminta bilangan kerusi yang lebih banyak.

Tindakan tegas yang diambil MCA ini mencerminkan pertukaran pucuk pimpinan yang telah berlaku pada Mac 1958 bila Lim Chong Eu menjadi ketua parti itu.<sup>19</sup> Tindakan ini tidak dapat diterima elit UMNO yang menyatakan dengan jelas bahawa MCA tidak boleh menjadi sebahagian daripada Pakatan, sementara menyokong permintaan ahli pendidikan Cina yang tidak disokong UMNO pada masa yang sama. MCA menghadapi krisis politik pada hari sebelum pilihan raya



1959 bila ahlinya terbahagi kepada kelompok yang menyokong keputusan Lim Chong Eu, dan kelompok lain yang ingin menjadi sebahagian daripada kerajaan. Pada bulan Julai, Jawatankuasa Umum MCA telah mengundi sama ada menerima syarat-syarat yang dikemukakan Tunku atau tidak untuk kekal dalam Pakatan. Lim dan ahli parti lain yang mempunyai hubungan erat dengan DJZ telah meninggalkan MCA. Kerjasama antara DJZ dan MCA berakhir bila pucuk pimpinan MCA yang baru telah menyatakan bahawa kedua-dua isu yang ditimbulkan itu tidak cukup kukuh untuk memutuskan hubungan MCA dengan UMNO.<sup>20</sup> Status DJZ sebagai kumpulan pendesak dalaman telah hilang dan pada akhir tahun 1959, DJZ bukan sahaja bersengketa secara terbuka dengan UMNO, malahan dengan MCA. Akibatnya, berbeza dengan tahun 1950-an ketika hubungan erat antara DJZ dengan MCA telah membolehkan kumpulan itu mempengaruhi Jawatankuasa Razak, konflik pada 1959 itu telah menyebabkan DJZ tidak dapat mempengaruhi Jawatankuasa Talib yang menggubal Akta Pendidikan 1961 yang mengandungi Klausula 21(b). Klausula ini dilihat sebagai ancaman yang terbesar kepada masyarakat Cina. Hubungan antara DJZ dengan MCA tidak lagi sebaik seperti sebelum pilihan raya umum 1959, walaupun kedua-duanya telah mempunyai permuafakatan sementara dalam isu-isu tertentu.

Kes kedua adalah mengenai keputusan Anwar Ibrahim, iaitu Menteri Pendidikan dewasa itu, melantik 100 orang guru Cina yang tidak berpendidikan bahasa Cina untuk mengajar di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina pada September 1987. DJZ menganggap pelantikan guru orang Cina yang tidak pernah dididik dalam bahasa Cina itu ancaman kepada peranan sekolah rendah jenis kebangsaan Cina. Pemberontakan menentang keputusan pihak kerajaan itu telah diketuai parti politik pembangkang Cina, Parti Tindakan Demokratik (DAP) dengan sokongan DJZ dan pertubuhan Cina yang lain. MCA turut menyertai bantahan ini kerana bimbang DAP akan mengatasinya. Semua parti yang terlibat, termasuk Gerakan, telah membentuk Jawatankuasa Tindakan Bersatu pada 8 Oktober. Pada 11 Oktober, pertubuhan orang Cina itu telah mengadakan mesyuarat bantahan di Tokong Thean Hou di Kuala Lumpur. Masa itu adalah detik yang luar biasa menunjukkan perpaduan Cina antara ketua parti MCA, Gerakan, DAP dan DJZ. Mereka berdiri bersama-sama di atas pentas dan menyeru orang ramai supaya memboikot sekolah selama tiga hari, jika pelantikan itu tidak ditarik balik pada 14 Oktober.

Sehari sebelum boikot itu, tekad MCA dan Gerakan menjadi lemah. Elit UMNO menganggap kehadiran kedua-dua parti politik BN di Tokong Thean Hou itu sebagai tindakan khianat. Dalam perhimpunan Pemuda UMNO pada 17 Oktober sudah dituntut supaya Timbalan Presiden MCA, Lee Kim Sai, dikeluarkan daripada Kabinet. Dengan rasa ketegangan semakin meningkat antara kaum dan keahlian MCA dalam BN dipersoalkan, sokongan kepada boikot itu telah hilang. Sebaliknya, kedua-dua MCA dan Gerakan menyatakan bahawa masa yang lebih lama diperlukan untuk mencari jalan penyelesaian dan pada saat-saat terakhir, boikot tersebut telah ditangguhkan untuk tempoh masa yang tidak pasti. Perpaduan

Cina telah runtuh dan DAP menarik diri daripada Jawatankuasa Tindakan Bersatu kerana tidak mahu menanggung boikot itu. Pada 19 Oktober, Anwar mengatakan beliau tidak menjangka keputusan beliau itu akan ditolak. Kerjasama antara DJZ dengan MCA telah gagal sekali lagi untuk mencapai matlamat bersama dan dalam hal ini, keadaan bakal bertambah buruk bagi DJZ. Pada 27 Oktober, pihak polis telah melaksanakan Operasi Lalang di bawah Undang-undang Keselamatan Dalaman dan pada hari itu, 55 orang telah ditahan. Pada Januari 1988, bilangannya telah meningkat lebih 100 orang. Individu yang telah ditahan itu, termasuk ahli DJZ dan ketua parti yang sudah berumur, seperti Lim Fong Seng dan Sim Mow Yu.

### KERJASAMA DJZ DENGAN PARTI PEMBANGKANG

Kerjasama DJZ dengan DAP, parti pembangkang, terbukti tidak lebih berkesan daripada kerjasamanya dengan pihak kerajaan. Hal ini sedemikian disebabkan DAP tidak boleh mendapat undi yang mencukupi untuk menang dalam pilihan raya. Sistem pilihan raya di Malaysia lebih memihak kepada kawasan pedalaman yang didominasi orang Melayu dan hal ini menjamin keputusan pilihan raya yang mungkin terjadi hanyalah sama ada kerajaan yang ditubuhkan itu kerajaan Melayu sepenuhnya atau seperti yang biasa terjadi, kerajaan pakatan yang mempunyai UMNO sebagai tunjangnya. Oleh sebab itu, walaupun sistem politik di Malaysia membolehkannya mendekati parti politik pembangkang, DJZ mempunyai peluang yang terhad untuk mengenakan tekanan ke atas dasar kerajaan.

DJZ telah menjadi kumpulan pendesak luaran setelah bekerjasama dengan DAP dan peranan ini telah membawa kejayaan terhad. Kelebihan utama bekerjasama dengan DAP adalah kerana DAP adalah pihak pembangkang yang tidak disekat UMNO, maka parti itu boleh menyuarakan kekhuatiran masyarakat Cina dengan lebih lantang berbanding dengan MCA. Oleh itu, kerjasama aktif dengan DAP membolehkan DJZ meningkatkan kesedaran awam tentang kebimbangan kumpulan itu sendiri. DAP adalah parti yang telah menyokong secara terbuka isu pendidikan Cina, selain telah memperjuangkan penambahan kuota dan biasiswa untuk pelajar bukan Melayu di universiti serta memperjuangkan latihan yang lebih baik untuk guru di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina. Kenyataan bahawa DAP mampu memberi sokongan kepada DJZ dalam perkara yang tidak boleh melibatkan MCA dan Gerakan dapat dilihat dalam kes Universiti Merdeka. Rancangan untuk menubuhkan Universiti Merdeka, iaitu institusi pengajian tinggi menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar telah dikemukakan DJZ pada akhir tahun 1960-an. Penubuhan universiti ini pada mulanya disokong semua parti politik Cina di samping menerima sokongan kebanyakan orang Cina. Tetapi, cadangan ini telah ditolak UMNO dan seterusnya MCA dan Gerakan pula menarik balik sokongan mereka. Namun, DAP

tetap memberi sokongan dan telah mengemukakan cadangan di Parlimen pada akhir tahun 1970-an untuk meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti yang menyatakan persetujuan parlimen diperlukan sebelum mana-mana universiti boleh ditubuhkan. Cadangan ini telah bulat-bulat ditolak UMNO, MCA dan Gerakan. DJZ membawa perkara ini ke Mahkamah Tinggi untuk mencabar keputusan pihak kerajaan; tetapi selepas lebih sedekad prosiding tindakan undang-undang berlangsung, mahkamah memutuskan untuk memihak kepada pihak kerajaan. Kegagalan untuk menubuhkan Universiti Merdeka menegaskan kenyataan bahawa kerjasama DJZ dengan pihak pembangkang tidak membuahkan hasil dengan lebih baik daripada bekerjasama dengan MCA. Tetapi, kegagalan ini telah menunjukkan sokongan politik DAP memberi laluan kepada DJZ untuk mengemukakan masalah pendidikan Cina di parlimen.

### KERJASAMA DJZ DENGAN BADAN BUKAN KERAJAAN

Pendekatan terakhir digunakan DJZ untuk mempertahankan sekolah rendah jenis kebangsaan Cina adalah bekerjasama dengan badan bukan kerajaan (NGO) lain untuk memujuk UMNO secara terus. Langkah ini mungkin kelihatan ganjil bagi DJZ kerana peluang organisasi yang memperjuangkan kepentingan orang Cina untuk berjaya mempengaruhi parti yang memperjuangkan kepentingan orang Melayu adalah sangat tipis. Namun, pilihan raya umum 1999 yang semakin hampir itu telah menyebabkan kerajaan mula banyak bergantung pada pengundi kaum Cina untuk menewaskan pihak pembangkang, lebih-lebih lagi dengan berlakunya peristiwa yang memburukkan reputasi UMNO. Perkembangan inilah yang membuka peluang kepada DJZ untuk mengenakan tekanan pada UMNO.

Terdapat dua faktor yang menyebabkan UMNO menjadi lemah sebelum pilihan raya itu. Pertama, krisis kewangan yang melanda Asia Tenggara pada tahun 1997-98 bukan sahaja telah menjatuhkan ekonomi Malaysia, malah mendedahkan kegiatan rasuah yang menular di arena politik Malaysia. Rasa tidak puas hati pengundi terhadap kerajaan, khususnya UMNO, terbayang dalam penggunaan akronim popular KKN (korupsi, kolusi, nepotisme) yang telah dilaung-laungkan dalam perhimpunan politik, selain tertera di kain rentang. Faktor kedua yang mengakibatkan kelemahan UMNO adalah peristiwa Anwar Ibrahim. Pada tahun 1998, timbalan kepada Mahathir telah dipecat dan kemudiannya ditahan atas tuduhan salah laku seksual, iaitu sodomi. Peristiwa itu bukan sahaja menjejaskan imej Mahathir dan UMNO di kalangan orang Melayu, malahan turut menyatupadukan parti pembangkang seperti DAP, Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dan parti baru KEADILAN untuk bertanding dalam pilihan raya 1999 sebagai Barisan Alternatif (BA).

Pada bulan Ogos, DJZ bersama pertubuhan dan persatuan Cina yang lain telah menubuhkan kumpulan pelobi, iaitu Jawatankuasa Pemujukan Pilihan Raya Pertubuhan Cina Malaysia atau lebih dikenali sebagai *Suqiu*, daripada perkataan Cina untuk “memujuk”. Jawatan peringkat atasan *Suqiu* dipegang ahli DJZ.<sup>21</sup>

*Suqiu* telah merangka usul yang mengandungi 17 perkara, termasuk mencadangkan agar program tindakan afirmatif ditamatkan. Mereka berhujah bahawa dasar keutamaan harus berasaskan keperluan dan bukannya kaum. Penglibatan DJZ dalam *Suqiu* menegaskan perkara yang dikemukakan pada awal makalah bahawa walaupun kumpulan pendesak itu boleh dibahagikan kepada kumpulan yang bersifat seksionalisme dan kumpulan yang bersifat promosionalisme, kumpulan pendesak sering kali tergolong dalam kedua-dua kategori ini. Oleh sebab itu, walaupun perkara ketujuh dalam usul *Suqiu* itu berkaitan isu khusus layanan adil untuk pendidikan bahasa ibunda, usul *Suqiu* secara amnya menyentuh aspek yang lebih luas, iaitu masyarakat Malaysia.<sup>22</sup> Dengan tarikh pilihan raya semakin dekat dan kerajaan BN memerlukan undi orang Cina, pihak kerajaan telah mengumumkan bahawa kerajaan akan menerima cadangan *Suqiu* “pada prinsipnya.”

Pilihan raya 1999 telah diperjuangkan dengan susah payah. Walaupun BN menang, UMNO menunjukkan prestasi kurang memuaskan setelah kehilangan sokongan orang Melayu kepada PAS. Dalam usaha untuk memulihkan kedudukan UMNO di kalangan orang Melayu, Mahathir telah mengkritik *Suqiu* secara terbuka sebagai kumpulan ekstrimis yang mengancam untuk menghapuskan hak istimewa orang Melayu. Beliau telah menuduh *Suqiu* sebagai angkuh dengan mengamalkan taktik komunis. Beliau nampaknya mengakui kenyataan bahawa Kabinet hanya menerima cadangan *Suqiu* kerana keadaan UMNO yang lemah sebelum pilihan raya itu telah meletakkan parti itu dalam keadaan tertekan.<sup>23</sup> Oleh itu, walaupun pihak kerajaan telah bersetuju “pada prinsipnya” untuk menyokong usul *Suqiu*, sebaik sahaja kerajaan BN memenangi pilihan raya, usul tersebut telah ditolak bulat-bulat.

Peristiwa *Suqiu* bukan sahaja mendedahkan kesukaran yang dihadapi DJZ dalam mempengaruhi UMNO secara langsung, malah membuktikan pada akhirnya bahawa parti Cina BN akan memihak pada UMNO lebih daripada mewakili masyarakat Cina. Tindak balas *Suqiu* terhadap serangan lisan Mahathir adalah terus menentang pihak kerajaan secara terbuka. Namun, di sebalik tabir, kedua-dua parti MCA dan Gerakan telah memujuk *Suqiu* untuk melepaskan tuntutan mereka. Parti Gerakan kemudiannya menawarkan diri untuk bertindak sebagai orang tengah, tetapi sebagai parti pakatan BN, Gerakan bukanlah “orang tengah yang jujur” dan pucuk pimpinan *Suqiu* telah diberi amaran bahawa jika berlaku rusuhan kaum, tanggungjawab akan jatuh pada *Suqiu*. Pada bulan Januari 2001, *Suqiu* telah melepaskan tuntutan mereka.

#### ADAKAH DJZ TELAH GAGAL?

Tidak kira sama ada DJZ bekerjasama dengan pihak kerajaan, pembangkang atau NGO lain, kumpulan pendesak ini terus dilanda kekecewaan. Dibahagian awal kajian ini telah diteliti perubahan dalam dasar pendidikan Malaysia yang juga

telah menunjukkan kemerosotan sekata peranan bahasa Mandarin sebagai bahasa pengantar. DJZ telah gagal memperjuangkan status bahasa Mandarin sebagai bahasa rasmi. Hanya sekolah menengah swasta menggunakan bahasa Mandarin sebagai bahasa pengantar. Jelaslah bahawa bahasa Mandarin hanya digunakan sebagai bahasa pengantar di peringkat sekolah rendah dalam sistem pendidikan kebangsaan. Namun, DJZ tidak boleh dikatakan telah gagal sama sekali sebagai pejuang jati diri Cina di Malaysia.

Walaupun tuntutan *Suqiu* telah dilepaskan pada akhirnya, ternyata kumpulan itu telah mendapat sokongan orang Cina. Hasilnya, dalam peristiwa yang mengakibatkan pilihan raya 1999, kedua-dua parti MCA dan Gerakan yang merasa tertekan untuk menjamin undi orang Cina bagi BN telah mengumumkan sokongan mereka terhadap usul yang dikemukakan *Suqiu*. MCA telah bersetuju secara prinsipnya dengan usul itu selain mengemukakannya kepada Kabinet. Parti Cina BN telah mencabar pihak pembangkang dalam bidang pendidikan demi sokongan pengundi Cina. Taktik itu adalah muslihat yang biasa digunakan pihak pembangkang. Satu daripada langkah yang diambil BN untuk menjamin undi orang Cina adalah dengan memenuhi sesetengah permintaan DJZ. Menurut Ng Tien Eng, ia termasuklah perkara berikut:

mengakui secara rasmi kewujudan sekolah menengah persendirian Cina untuk kali pertamanya; menubuhkan sekolah rendah jenis kebangsaan Cina yang baru; mengakui hak lembaga pengelola sekolah rendah jenis kebangsaan Cina; bersetuju untuk hanya melantik guru yang berpendidikan Cina sebagai pegawai kokurikulum di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina; mengiktiraf sesetengah sijil tamat persekolahan yang dikeluarkan sekolah menengah persendirian Cina; dan memperuntukkan wang pembangunan kepada sekolah Cina.<sup>24</sup>

Walaupun DJZ terus bersikap kritikal terhadap BN, langkah itu hanya dapat memenuhi sebahagian permintaannya. Pihak kerajaan juga tidak mungkin akan bersetuju dengan permintaan di atas tanpa usaha gigih DJZ. Sehubungan itu, walaupun usul *Suqiu* telah dilepaskan pada akhirnya, DJZ tetap telah mengecapi kejayaan.

Contoh lain kejayaan DJZ dalam menyokong pendidikan Cina dapat dilihat dalam kes projek Sekolah Wawasan kerajaan. Pada Februari 1997, pihak kerajaan telah mengumumkan hasrat untuk menubuhkan tujuh buah Sekolah Wawasan. Ia adalah sebahagian daripada projek pembentukan bangsa Malaysia untuk menggabungkan tiga kumpulan etnik utama di Malaysia bagi membina jati diri bangsa yang bersatu. Konsep ini memerlukan pembentukan tiga buah sekolah yang dapat mewakili bahasa Melayu, bahasa Cina dan bahasa Tamil di kawasan yang sama. Walaupun ketiga-tiga sekolah ini terletak di lingkungan kawasan yang sama, setiapnya akan mempunyai pentadbirannya sendiri untuk memastikan jati diri budaya masing-masing terus kekal. Ruang seperti dewan, kantin dan padang akan dikongsi sama semua pelajar untuk mereka berinteraksi sesama sendiri dan tanggapan di sini adalah usaha sedemikian dapat menjalin hubungan perkauman dengan lebih erat. Projek ini dikecam hebat DJZ yang menganggapnya

akan memusnahkan sekolah vernakular. Kerisauan utama DJZ adalah struktur pentadbiran yang mudah lentur itu akan digunakan untuk menjaga kawasan yang dikongsi sama dan kesaksamaan antara ketiga-tiga sekolah itu juga perlu dikenal pasti. DJZ juga khuatir akan struktur pentadbiran yang akan dikuasai orang Melayu. Kumpulan pendesak ini juga bimbang sekolah ini akan berada di bawah penguasaan Kementerian Pendidikan dan bukannya di bawah penguasaan lembaga pengelola sekolah yang terdiri daripada ahli pendidikan Cina dan ibu bapa seperti yang terdapat di sekolah Cina. DJZ berpendapat Sekolah Wawasan akan mengubah peranan dan kemerdekaan sekolah rendah jenis kebangsaan Cina secara mendalam.

DJZ telah menangani ancaman berikutan projek Sekolah Wawasan dengan melemahkan kuasa BN dalam pilihan raya kecil Lunas di Kedah pada November 2000. BN yang telah memenangi pilihan raya di Lunas pada pilihan raya 1999 dengan kelebihan 4,700 undi setahun sebelum itu telah kalah kepada BA. Ternyata isu berkaitan masyarakat Cina boleh mempengaruhi keputusan pilihan raya dalam konstituen yang mempunyai 37% pengundi Cina. Ahli DJZ telah menghadiri perhimpunan untuk menyokong calon BA kerana BA menyokong bantahan mereka ke atas projek Sekolah Wawasan. Tian Chua, timbalan presiden parti KeADILAN menegaskan pilihan raya kecil ini akan menjadi referendum bagi projek Sekolah Wawasan.<sup>25</sup> DJZ telah mengambil kesempatan atas kedudukan lemah calon BN akibat ketidakpercayaan orang Melayu kepada UMNO dengan memanfaatkan undi orang Cina, sekali gus menyampaikan mesej yang jelas kepada pihak kerajaan bahawa projek Sekolah Wawasan tidak diinginkan. Sehingga kini, projek ini masih wujud, tetapi hanya Sekolah Wawasan di Subang Jaya, Kuala Lumpur, boleh dikatakan telah berjaya. Pihak kerajaan pula tidak berminat untuk mewujudkan Sekolah Wawasan lain. DJZ telah berjaya menepis ancaman terhadap sekolah rendah jenis kebangsaan Cina bila ibu bapa menghantar anak mereka ke sekolah lain.

Contoh yang menunjukkan DJZ telah menerima kompromi daripada BN kerana parti itu memerlukan sokongan masyarakat Cina atau telah bekerjasama dengan pihak pembangkang membuktikan bahawa DJZ berupaya mencapai kejayaan sekali sekala. Keupayaan ini memenuhi tiga syarat penilaian yang telah dibincangkan sebelum ini untuk menentukan kejayaan kumpulan pendesak. Sistem politik Malaysia yang terbahagi mengikut kaum membolehkan DJZ mengenakan tekanan bila undi orang Cina diperlukan. DJZ telah diterima masyarakat Cina sebagai pejuang kepentingannya yang sah dan telah diakui boleh membantu menjamin undi orang Cina. Akhir sekali, sumber fizikal DJZ membolehkannya memainkan peranan utama dalam *Suqiu* dengan memberi sokongan kepada calon BA dalam pilihan raya kecil Lunas.

Namun, dasar pendidikan Malaysia menjadi kisah kemerosotan sekata peranan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar di sekolah. Oleh itu, adakah DJZ telah gagal akhirnya? Pencapaian DJZ di Malaysia sebenarnya agak mengagumkan, walaupun ia pernah mengutarakan kekecewaan terhadap tindakan

kerajaan dan mengekalkan pandangan bahawa UMNO tidak mempunyai perancangan jangka panjang untuk pendidikan bahasa ibunda. Malaysia adalah satu-satunya negara yang menggunakan bahasa Mandarin sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan kebangsaan di dunia, selain China dan Taiwan. Pencapaian luar biasa ini banyak bergantung pada usaha DJZ. Tambahan pula, walaupun DJZ tetap merasa ragu-ragu akan niat pihak kerajaan, tetapi Menteri Pendidikan BN yang juga ahli UMNO telah memberi sokongan tetap mereka dalam isu kewujudan berterusan sekolah rendah jenis kebangsaan Cina. Sokongan ini tidak mungkin akan ada tanpa kewujudan DJZ dan perhatian rapi kumpulan itu terhadap dasar kerajaan yang mungkin memberi kesan buruk kepada sekolah rendah jenis kebangsaan Cina.

### HALANGAN YANG PALING MENCABAR SETAKAT INI

Walaupun BN mungkin tidak berniat untuk melemahkan peranan sekolah rendah jenis kebangsaan Cina, namun hal ini tidak bermaksud bahawa dasar pendidikan kerajaan tidak mendatangkan kesan itu. Pada tahun 2002, DJZ telah menghadapi halangan yang paling mencabar dalam mempertahankan penggunaan bahasa Mandarin sebagai bahasa pengantar di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina. Halangan ini adalah pengenalan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dalam mata pelajaran Sains dan Matematik di semua sekolah rendah. Dasar kerajaan ini telah diumumkan pada bulan Julai 2002, dipersetujui pada bulan November dan dilaksanakan pada tahun 2003.

Alasan kerajaan memperkenalkan semula bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar adalah pegawai pendidikan mempercayai bahasa Inggeris harus dikuasai rakyat Malaysia demi kemakmuran ekonomi negara dalam persaingan ekonomi global yang semakin sengit. Penggunaan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Sains dan Matematik di sekolah rendah dikenali sebagai formula 2:4:3, iaitu 2 waktu untuk bahasa Inggeris, 4 waktu untuk Matematik dan 3 waktu untuk Sains. Sepanjang tahun 2002, bahasa Inggeris dilihat sebagai elemen penting dalam mengukuhkan keadaan ekonomi Malaysia, lantas menjadikannya dasar yang melibatkan kepentingan negara. Seperti yang dijangkakan, dasar ini tidak disambut baik oleh DJZ yang sebaliknya menuduh kerajaan sedang cuba mengubah peranan sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dengan mengurangkan pendidikan bahasa ibunda. Kumpulan pendesak itu telah menggesa masyarakat Cina menghalang rancangan ini. Kekhuatiran DJZ yang bahasa Cina akan disisihkan sebagai bahasa asing boleh difahami kerana dasar itu melibatkan penggunaan bahasa Inggeris secara meluas di sekolah jenis kebangsaan Cina.

Kebimbangan pertubuhan itu berasas dengan mengkaji kes yang berlaku di selatan sempadan negara, iaitu Singapura. Singapura adalah negara yang dikuasai orang Cina, tetapi menggunakan bahasa pengantar Inggeris dalam sistem pendidikannya.. Walaupun pembelajaran bahasa Cina adalah wajib di negara itu,

kemerosotan penggunaan bahasa Cina berbanding bahasa Inggeris telah menjejaskan kepentingan bahasa Cina. Pengamalan sukatan pelajaran “Bahasa Cina B” yang lebih mudah serta pindaan syarat kemasukan universiti yang tidak memerlukan pemohon fasih berbahasa Cina itu jelas menggambarkan kekhuatiran DJZ ini.<sup>26</sup> Keputusan ini telah mencetuskan persoalan di kalangan rakyat Singapura tentang pentingnya bahasa Cina sebagai lambang jati diri mereka. Bagi DJZ, persoalan pentingnya bahasa sebagai lambang jati diri adalah bukti jelas tentang risiko yang bakal ditanggung akibat terlalu bergantung pada bahasa Inggeris sehingga menggadaikan bahasa Cina. Dengan itu, bagaimana DJZ dapat menyelesaikan masalah ini?

Tindak balas awal DJZ adalah mengadakan kerjasama dengan NGO dan parti pembangkang. Pengenalan semula bahasa Inggeris khususnya telah menghasilkan pakatan sementara yang tidak diduga antara DJZ dengan kumpulan nasionalis Melayu yang menyokong penggunaan bahasa Malaysia. Kedua-dua kumpulan pejuang bahasa yang selalunya berselisihan dalam isu pendidikan dan bahasa itu telah bersatu padu pada tahun 2002. Maka wujudlah kenyataan DJZ yang mengatakan “bukan sahaja sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil bimbang akan kesan penggunaan bahasa Inggeris terhadap jati diri mereka, orang Melayu juga kluatir akan nasib bahasa Melayu yang akan disisihkan.”<sup>27</sup> Kerjasama dengan orang Melayu ini juga diluaskan kepada langkah kerjasama dengan PAS.<sup>28</sup> Reaksi UMNO kepada bantahan bersatu ini adalah dengan mengambil langkah penentangan. Pada bulan Ogos 2002, Mahathir telah memberi amaran tersirat seperti yang dilakukan beliau pada tahun 1987: “jika sesiapa cuba mengapi-apikan sentimen perkauman sehingga mencetuskan ketegangan, tindakan akan diambil sebelum keadaan ini berlaku”. Beliau seterusnya menuduh ahli pendidikan Cina sebagai “ekstremis perkauman” dengan menyifatkan mereka sebagai sedang menjolok sarang tebu. Beliau berkata, “Kita semua tahu undang-undang negara kita tidak membenarkan pihak kerajaan mengubah sekolah Cina kepada sekolah kebangsaan, tetapi mereka mengambil kesempatan isu ini untuk menakut-nakutkan masyarakat Cina. Tindakan ini berbahaya.”<sup>29</sup> Timbalan Menteri Dalam Negeri, Zainal Abidin Zin, telah menjelaskan amaran Mahathir itu dengan menyatakan bahawa ekstremis “yang berusaha mengambil kesempatan atas isu ini dengan menimbulkan soal perkauman akan ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).”<sup>30</sup>

Percubaan pihak kerajaan untuk menyekat perbalahan isu perkauman ini telah dkecam parti politik pembangkang. Xavier Jeyakumar dari parti KEADILan mengutuk pihak kerajaan kerana “sentiasa [mengggunakan] undang-undang yang cenderung menindas, serta kuasa pihak polis untuk memaksa rakyat [untuk menerima] dasar kerajaan sejak dahulu.”<sup>31</sup> Sehubungan itu, beliau bertanya: mengapa tidak ada kertas kerja atau projek perintis dilakukan sebelum keputusan diambil? Pendapat ini disokong Nasir Mohammad Hashim, dari Parti Sosialis Malaysia, yang mendakwa cara pihak berkuasa memperoleh sokongan dengan mengancam untuk menggunakan undang-undang yang cenderung menindas



orang yang membantah dasar kerajaan bukanlah perkara baru. DAP juga mengecam tindakan kerajaan ini secara terus terang. Pemimpin parti itu, Lim Kit Siang, berhujah dengan tegas bahawa formula 2:4:3 tidak memberi faedah kepada bidang pendidikan. Beliau telah mengutarakan rasa khuatir yang telah dikemukakan ahli pendidikan Melayu dan Cina bahawa mengajar mata pelajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris tidak berkesan dalam meningkatkan kemahiran pelajar di bidang bahasa.<sup>32</sup>

Pada bulan November, penentang usul 2:4:3 sudah merangkumi NGO lain, seperti kumpulan Tamil, iaitu *Group of Concerned Citizens* dan Pertubuhan Penyelidikan dan Pembangunan Pendidikan Tamil Malaysia serta parti pembangkang yang mewakili masyarakat Melayu dan Cina. Meskipun begitu, usul itu dipersetujui dalam satu pergerakan yang berhubung rapat dengan penyelesaian sepakat yang disyorkan MCA dan Gerakan.

Oleh sebab UMNO tegas dengan pendiriannya, parti politik Cina BN telah sekali lagi terperangkap antara DJZ yang lantang di satu pihak dengan UMNO di pihak lain. Parti politik Cina itu telah dipertanggungjawabkan UMNO agar dapat dicari jalan penyelesaian dan hasilnya, suatu kompromi canggung telah dikemukakan pada akhir bulan Oktober, iaitu pengajaran mata pelajaran Matematik dan Sains dijalankan dalam kedua-dua bahasa Inggeris dan bahasa Cina. Penyelesaian yang tidak disokong sesiapa pun itu bukanlah penyelesaian yang menyokong formula 2:4:3 yang dikehendaki Mahathir, maka DJZ telah juga menolaknya kerana hanya tiga daripada tujuh mata pelajaran seharian akan diajar dalam bahasa Cina. Ini bermakna pengulangan kelas yang sama, lantas memanjangkan waktu persekolahan bagi pelajar nanti. Sehubungan itu, Mahathir telah menyatakan “penyelesaian mengajar kedua-dua mata pelajaran ini dalam bahasa Inggeris dan bahasa Cina bukan sahaja menambah kos perbelanjaan, malah menyampaikan mesej yang salah kerana pada pandangan rakyat, penyelesaian ini adalah langkah terdesak,”<sup>33</sup> Sungguhpun begitu, penyelesaian itu telah dipersetujui kerajaan dan dilaksanakan pada tahun 2003.

Kegagalan DJZ mengatasi ancaman ini menunjukkan pentingnya tiga syarat penilaian yang digunakan untuk menentukan kejayaan. Pertama, DJZ mempunyai hubungan untuk membolehkannya mempengaruhi dasar kerajaan. UMNO telah mempertanggungjawabkan parti politik Cina untuk mengemukakan jalan penyelesaian dan hal ini membolehkan DJZ untuk mengenakan tekanan ke atas MCA dan Gerakan. Syarat penilaian ketiga untuk menentukan kejayaan kumpulan pendesak adalah sumber fizikal yang dimiliki kumpulan itu, termasuk sumber kemahiran. Dalam hal ini, kemahiran DJZ dalam mempengaruhi dasar pendidikan kerajaan telah diakui kedua-dua kumpulan nasionalis Melayu serta parti PAS. Kumpulan ini pada asalnya menentang DJZ, tetapi dalam hal ini cuba bersatu dalam menentang pihak kerajaan walaupun hanya untuk sementara waktu. Jadi, apakah yang menyebabkan kegagalan DJZ dalam hal ini? Jawapannya terletak pada syarat penilaian kedua, iaitu kumpulan pendesak mesti diiktiraf sebagai wakil sah bagi perjuangannya. Kedua-dua DJZ dan kumpulan nasionalis Melayu

tidak seiring dengan permintaan masyarakat masing-masing dalam isu ini kerana ibu bapa pelbagai kaum di Malaysia melihat usul 2:4:3 sebagai aspek yang penting dalam pendidikan anak mereka dan bukan yang sebaliknya.

Faedah menguasai bahasa Inggeris difahami ibu bapa masyarakat Cina. Sehubungan itu, pendaftaran di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina telah merosot bila bahasa pengantar Inggeris digunakan pada tahun 1960-an. Pendaftaran di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina hanya meningkat bila bahasa Malaysia digunakan sebagai bahasa pengantar pada tahun 1970-an.<sup>34</sup> Wujud juga persoalan di kalangan masyarakat Cina tentang penggunaan bahasa Inggeris untuk mengajar Matematik kerana keputusan peperiksaan menunjukkan kadar lulus yang tinggi hanya setelah bahasa pengantar Cina digunakan, tetapi penggunaan bahasa Inggeris untuk mengajar Sains telah diterima baik disebabkan peranan bahasa Inggeris dalam istilah saintifik. Baik ibu bapa orang Melayu atau orang Cina telah bertindak pragmatik kerana percaya penambahan ilmu bahasa Inggeris dapat membantu menjamin masa depan anak mereka. Too Chee Cheong, bekas pengerusi UCSTA yang tegas dalam isu ini telah mengemukakan kenyataan bahawa DJZ tidak seiring dengan masyarakat Cina kerana enggan menerima penggunaan pelbagai bahasa.<sup>35</sup> Penilaian ini jelas menghadkan kemampuan DJZ mendapat sokongan untuk mempertahankan pelindung jati diri Cina, iaitu sekolah rendah jenis kebangsaan Cina. Kejayaan besar pakatan BN dan UMNO khususnya pada pilihan raya 2004 itu menunjukkan pelaksanaan bahasa Inggeris bukanlah keputusan yang tidak diterima. DJZ telah mengumumkan keputusan untuk kekal neutral semasa pilihan raya dan menyatakan bahawa pendidikan bukanlah isu pilihan raya.<sup>36</sup>

Persepakatan untuk mengajar Matematik dan Sains secara bertindih, iaitu pertamanya dalam bahasa Inggeris dan diulang dalam bahasa Cina telah memberi tekanan kepada guru dan pelajar pada tahun 2003 dan sama ada penyelesaian ini berjaya atau tidak juga menjadi persoalan.<sup>37</sup> Pihak kerajaan telah mengumumkan bahawa selepas tahun 2008, peperiksaan dua mata pelajaran ini hanya dijalankan dalam bahasa Inggeris walaupun tidak dinyatakan dengan jelas sama ada syarat ini wajib bagi sekolah rendah jenis kebangsaan Cina atau tidak.<sup>38</sup> Untuk sementara waktu, DJZ telah berbincang dengan MCA dan meminta untuk mengadakan sesi dialog bersama dengan Perdana Menteri Abdullah Ahmad Badawi.<sup>39</sup> Pada hujung tahun 2005, hal ini telah menimbulkan cadangan persepakatan yang rumit daripada MCA dan Gerakan, tetapi tidak memuaskan DJZ yang masih menentang formula 2:4:3.<sup>40</sup>

## KESIMPULAN

Sejak penubuhan UCSTA pada tahun 1951, ternyata DJZ telah memainkan peranan penting mempertahankan pendidikan menggunakan bahasa Cina dan telah berjaya dalam sistem pendidikan kebangsaan di sekolah rendah. Kejayaan ini kejayaan

besar kerana Malaysia adalah satu-satunya negara menggunakan bahasa pengantar Cina dalam sistem pendidikan kebangsaan, selain China dan Taiwan. Seperti yang sentiasa ditegaskan elit UMNO, situasi ini tidak akan berubah. Meskipun begitu, dasar pendidikan Malaysia sejak mencapai kemerdekaan telah menyaksikan kemerosotan penggunaan bahasa pengantar Cina. Formula 2:4:3 yang baru dilaksanakan akan menyisihkan bahasa Cina jika penyelesaian secara tolak ansur terbukti tidak berkesan. Apakah yang dapat dikenal pasti daripada ringkasan ini tentang kejayaan DJZ sebagai kumpulan pendesak?

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, syarat penilaian ketiga untuk menentukan berjaya tidaknya kumpulan pendesak adalah sumber fizikal yang dimilikinya. Dari segi kewangan, DJZ mempunyai sumber kewangan yang mencukupi. Kejayaannya dalam mengumpul dana telah membolehkannya memberi bantuan kewangan tambahan kepada sekolah rendah jenis kebangsaan Cina untuk melengkap peruntukan kerajaan yang tidak mencukupi. DJZ telah menyokong ICSS dan Kolej New Era dari segi kewangan dan berupaya melangsaikan bayaran guaman dalam perjuangan yang berlanjutan tentang cadangan penubuhan Universiti Merdeka. DJZ juga telah memberi bantuan kepada calon pembangkang dan BN semasa pilihan raya. Ternyata bahawa kemahirannya itu telah membolehkannya memainkan peranan penting dalam NGO Malaysia seperti *Suqiu*. DJZ juga memiliki sumber fizikal yang diperlukan untuk mempunyai pengaruh penting ke atas dasar kerajaan. Dua syarat penilaian lain ini telah membantu menjelaskan kejayaan terhad DJZ.

Pada mulanya, sistem politik Malaysia tidak sesuai untuk operasi kumpulan pendesak bukan Melayu. Walaupun parti politik Cina dalam BN telah memberi peluang kepada DJZ mendekati elit kerajaan, kedudukan dominan UMNO memastikan MCA dan Gerakan akan menyokong pihak kerajaan bila kedua-dua parti ini harus memilih antara UMNO dan DJZ. Oleh sebab itu, walaupun sistem politik Malaysia memberi peluang kepadanya untuk mempengaruhi dasar, DJZ tidak boleh berbuat demikian bila UMNO menentanginya. Ini boleh dilihat dalam pilihan raya 1999 semasa kerajaan BN memerlukan undi masyarakat Cina untuk membolehkan DJZ mendapat sebahagian tuntutan disetujui MCA. Namun, bila menerusi *Suqiu* mencabar dasar tindakan afirmatif Malaysia, DJZ telah bertelingkah dengan UMNO yang memperjuangkan kepentingan orang Melayu. Ahli Jawatankuasa *Suqiu* telah dituduh sebagai ekstrimis dan diberi amaran oleh Gerakan untuk melepaskan usulnya. DJZ mampu mencapai kejayaan sekali-sekala seperti yang ditunjukkan dalam keputusan pilihan raya kecil Lunas.

Syarat kedua ialah kumpulan pendesak harus diterima sebagai wakil sah perjuangan mereka. DJZ mempunyai kelayakan untuk mewakili masyarakat Cina Malaysia, tetapi seperti yang dilihat dalam tindak balas ibu bapa terhadap isu bahasa pengantar Inggeris, pertubuhan ini ternyata tidak seiring dengan kehendak masyarakat. Tanpa sokongan ibu bapa Cina, DJZ kekurangan kewajaran untuk mempengaruhi dasar, lantas menyebabkannya gagal sebagai kumpulan pendesak. Penyelesaian sepakat tentang penggunaan dwibahasa telah memberi tekanan

kepada semua pihak yang terlibat, termasuk pelajar. Ramalan boleh dilakukan bahawa meskipun ibu bapa Cina mungkin tidak suka bahasa Inggeris diperkenalkan dalam pengajaran Matematik dan Sains, namun mereka juga mungkin tidak suka anak mereka perlu mengulang kelas yang berkenaan dalam bahasa Cina. Persoalan tentang jenis bahasa yang digunakan untuk peperiksaan dua mata pelajaran ini mungkin dapat menjelaskan jawapan ibu bapa tentang ramalan ini dan akhirnya mungkin dapat menentukan sama ada DJZ boleh memelihara peranan bahasa pengantar Cina dalam sistem pendidikan kebangsaan di Malaysia atau tidak.

#### NOTA Hujung

- <sup>1</sup> Tan Puay-Ching, *The Role of the United Chinese School Teachers' Association (West Malaysia) in the Struggle for Chinese Education and Language Status. 1960-1969*. *Southeast Asian Journal of Educational Studies* 21:22 (1984/85): 36.
- <sup>2</sup> Dong Jiao Zong (kadang-kala ditulis sebagai Dongjiaozong) ialah akronim bahasa Cina untuk UCSA (Dongzong) dan UCSTA (Jiaozong).
- <sup>3</sup> Brendan Pereira, *Those Opposing English Risking Malaysia's Future*. *Straits Times* (Singapore), 14 Ogos, 2002.
- <sup>4</sup> Tan Chee-Beng menyatakan bahasa Mandarin "ialah bahasa sastera masyarakat Cina dan hal ini bermakna boleh membaca dan bertutur dan menulis dalam bahasa Mandarin. Tambahan pula, bahasa Mandarin ialah bahasa yang digunakan masyarakat Cina di merata tempat"; Tan Chee-Beng, *Socio-cultural Diversities and Identities DLM The Chinese in Malaysia*, eds. Lee Kam Hing dan Tan Chee-Beng. New York: Oxford University Press, 2000: 56.
- <sup>5</sup> Barry Buzan, *Societal Security, State Security, and Internationalization, DLM Identity, Migration, and the New Security Agenda in Europe*, eds. Ole W'æver, Barry Buzan, Morten Kelstrup, and Pierre Lemaitre. London: Pinter Publishers, 1993: 43.
- <sup>6</sup> James Chin, *Malaysian Chinese Politics in the 21st Century: Fear, Service and Marginalization*. *Asian Journal of Political Science* 9:2 (December 2001): 82.
- <sup>7</sup> Rujuk Andrew Heywood, *Key Concepts in Politics* (Basingstoke, U.K.: Palgrave, 2000): 222-24 untuk penjelasan ringkasan mengenai kumpulan pendesak dan kepentingannya. Rujuk juga Jeremy J. Richardson, ed., *Pressure Groups* (Oxford: Oxford University Press, 1993), dan Graham K. Wilson, *Interest Groups* (Oxford: Basil Blackwell, 1990) untuk maklumat tambahan.
- <sup>8</sup> Syarat ini berdasarkan syarat yang digunakan oleh Francis G. Castles, *Pressure Groups and Political Culture*. London: Routledge and Kegan Paul, 1967: 4-5.
- <sup>9</sup> Maklumat ini dipetik daripada Moses Samuel dan Lew Tan Sin, "Language Policies in Malaysian Education: Some Recent Developments," dalam *Educational Challenges in Malaysia: Advances and Prospects*, ed. Zaniah Marshallsay. Clayton, (Victoria) Australia: Monash Asia Institute, Monash University, 1997: 69-83.
- <sup>10</sup> Tan Liok Ee, *The Politics of Chinese Education in Malaya 1945-1961*. New York: Oxford University Press, 1997: 284.
- <sup>11</sup> Karl von Vorys, *Democracy without Consensus: Communalism and Political Stability in Malaysia*. Princeton, (N.J.): Princeton University Press, 1975: 216.
- <sup>12</sup> Tan Liok Ee, *The Politics of Chinese Education*: 270-71.

- 13 Rujuk Mother Tongue Education of Malaysian Ethnic Minorities, ed. Kua Kia Soong (Kuala Lumpur: Dong Jiao Zong Higher Learning Center, 1998) untuk maklumat tambahan mengenai kerisauan DJZ.
- 14 Jabatan peperiksaan bahasa Cina di Malaysia dikenali sebagai United Chinese School Committees' Association of Malaysia (UCSCAM).
- 15 Walaupun terdapat banyak jenis dialek Cina yang dituturkan di Malaysia (seperti Mandarin, Hokkien, Kantonis dan Teochew), semua dialek ini berkongsi bahasa penulisan yang sama.
- 16 Tan Liok Ee, "Chinese Schools in Malaysia: A Case of Cultural Resilience," dalam *The Chinese in Malaysia*, eds. Lee Kam Hing dan Tan Chee-Beng. New York: Oxford University Press, 2000: 236.
- 17 Ng Tien Eng, "The Contest for Chinese Votes: Politics of Negotiations or Politics of Pressure?" dalam *New Politics in Malaysia*, eds. Francis Loh Kok Wah dan Johan Saravanamutu. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2003: 93-94.
- 18 Dipetik daripada Tan Liok Ee, "DJZ and the Challenge to Cultural Hegemony 1957-1987," dalam *Fragmented Vision: Culture and Politics in Contemporary Malaysia*, eds. Joel S. Kahn dan Francis Loh Kok Wah. Sydney: Allen dan Unwin, 1992: 191.
- 19 Lim Chong Eu merupakan seorang ahli dalam Jawatankuasa Razak dan telah bekerjasama rapat dengan pakar pendidikan Cina semasa Laporan Razak disusun. Pucuk pimpinan beliau dalam MCA telah mendapat sambutan baik oleh DJZ kerana minat beliau dalam bidang pendidikan Cina.
- 20 Tan Liok Ee, *The Politics of Chinese Education in Malaya*: 260-66.
- 21 Joceline Tan, "The Power behind Suqiu," *Straits Times*, 31 Disember 2000.
- 22 17 Cadangan 17 hujah Suqiu boleh didapati dalam Wah dan Saravanamuttu, eds., *New Politics in Malaysia*: 283-90.
- 23 In-Won Hwang, *Personalized Politics: The Malaysian State under Mahathir*. Singapore: ISEAS, 2003: 350.
- 24 Ng Tien Eng, "The Contest for Chinese Votes," : 102. Rujuk juga Jadual 5.4 berkaitan maklumat lanjut sokongan BN terhadap pendidikan Cina.: 103.
- 25 Joceline Tan, "KL Softens Its Stand on 'Vision School' Issue," *Straits Times*, 25 November 2000.
- 26 "Mother Tongue Helps Singapore Retain Asian Core," *ibid.*, 22 Mac 2004; Leong Weng Kam, "Uneasy Divide," *ibid.*, 27 Mac 2004.
- 27 Bruce Cheesman, "Debate Curbed as Malaysia Pushes English Teaching," *Australian Financial Review*, 16 Ogos 2002.
- 28 "Malaysian Government's Plan to Introduce English for Key Subjects Meets Stiff Opposition," *Channel NewsAsia* (Singapore), 16 Ogos 2002.
- 29 Brenden Pereira, "KL Pressing Ahead with Use of English," *Straits Times*, 11 Ogos 2002.
- 30 Cheesman, "Debate Curbed as Malaysia Pushes English Teaching."
- 31 Susan Loone, "Malaysia's Opposition Points to 'Hidden Agenda' in Government's Language Switch," *World News Connection*, 24 November 2002.
- 32 Rujuk <<http://DAPmalaysia.org/all-archive/English/2002/nov02/lks/lks1928.htm>>
- 33 Brenden Pereira, "Politics Beats Common Sense in Deal on Use of English," *Straits Times*, 24 Oktober 2002.
- 34 Tan Liok Ee, "DJZ and the Challenge to Cultural Hegemony 1951-1987: 193-94.

- <sup>35</sup> “Majority of Chinese Support Multilingualism, Says Former Dong Zong Chairman,” Bernama (agensi berita kebangsaan Malaysia), 19 November 2002. Lihat “Former Dong Zong Head Rapped,” untuk pernyataan tindak balas, New Straits Times (Kuala Lumpur), 22 November 2002.
- <sup>36</sup> Santha Oorjitham, “Education No Longer a Hot Issue in the General Election,” Bernama, 17 Mac 2004.
- <sup>37</sup> Leslie Lau, “Chinese Schools’ Bilingual Classes Not Working Out,” Straits Times, 28 Ogos 2003.
- <sup>38</sup> Chok Suat Ling, “Science and Maths: Another Hurdle to Clear,” New Straits Times, 17 November 2002.
- <sup>39</sup> Balan Moses, Ramlan Said, Lim Chee Wei, “MCA, Dong Jiao Zong to Discuss Educational Issues,” *ibid.*, 10 November 2003; Alan Ting, “Dong Jiao Zong Seeks Meeting with Prime Minister,” Bernama, 27 November 2003. Pada bulan Jun 2004, DJZ telah cuba meningkatkan peluangnya untuk mendapatkan tindak balas positif daripada Badawi melalui kerjasama dengan dua NGO Cina lain dan menyerahkan memorandum kepada Badawi. Lihat Balan Moses, Ramlan Said, Lim Chee Wei, “Permatang Pauh UMNO in Warring Mode,” New Straits Times, 30 Jun 2004.
- <sup>40</sup> Rujuk Alan Ting, “MCA and Gerakan Propose Formula for Maths, Science,” Malaysia General News, 14 Oktober 2005 untuk maklumat lanjut mengenai cadangan MCA/ Gerakan. Lihat Leslie Lau, “Chinese Group Rejects Kuala Lumpur Language Policy,” Straits Times, 23 November 2005 untuk penerusan bantahan DJZ.

(Sumber asal rencana ini adalah dalam bahasa Inggeris dengan judul *Chinese Educationalists in Malaysia: Defenders of Chinese Identity* dan sudah diterbitkan dalam *Asian Survey*. 46:2 (Mac.-Apr. 2006): 293-318)

Penterjemah I: Goh Sang Seong, Ph.D  
Bahagian Bahasa Malaysia, Terjemahan dan Interpretasi,  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,  
Universiti Sains Malaysia  
11800 Pulau Pinang

Emel: gohss@usm.my

Penterjemah II: Goh Shu Li, BA.  
Bahagian Bahasa Malaysia, Terjemahan dan Interpretasi,  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,  
Universiti Sains Malaysia  
11800 Pulau Pinang

Emel: shuli.goh@gmail.com